

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kajian Penilaian Impak Sosial (SIA) sudah diluluskan bagi projek Penang South Reclamation (PSR); dan
- (b) apakah langkah tegas yang diambil Kementerian bagi mengelak berulang kembali tragedi kematian di kawasan berisiko tinggi dan lereng bukit seperti kes Bukit Kukus dan Tanjung Bungah, Pulau Pinang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**JAWAPAN (A)**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) bagi cadangan pembangunan projek Penang South Reclamation telah dibentangkan di Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Ke-15 (Bil. 4/2019) bertarikh 15 Mei 2019 dan telah diluluskan dengan beberapa pindaan. Pembentangan tersebut merupakan pembentangan kali ketiga dan pindaan kali kedua bagi Laporan SIA ini. Seterusnya Addendum Penambahbaikan Laporan mengenai pindaan-

pindaan tersebut telah dikemukakan semula kepada Panel Penilai SIA pada 23 Julai 2019 dan telah diluluskan melalui surat bertarikh 29 Ogos 2019.

**JAWAPAN (B)**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyediakan beberapa langkah bagi mengawal pembangunan di kawasan lereng bukit. Antaranya ialah melalui pindaan Seksyen 70, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] bagi tujuan meningkatkan tahap keselamatan struktur bangunan bertingkat dan cerun serta kualiti pembaikan jalan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Pindaan terhadap Seksyen 70 menyatakan bahawa sebarang pemajuan di kawasan kecerunan melebihi 25 darjah dan ketinggian melebihi daripada 10 meter diwajibkan mengemukakan laporan geoteknikal yang ditentu sah oleh Pemeriksa Bertauliah yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, PlanMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah mengeluarkan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit Dan Tanah Tinggi pada tahun 2009. Garis Panduan ini bertujuan memberikan panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menyemak dan menyelaraskan pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi berikutan daripada beberapa kejadian tanah runtuh di kawasan bukit dan tanah tinggi yang berkecerunan tinggi.

3. Garis panduan yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip utama, iaitu keselamatan (nyawa dan harta benda), kesensitifan alam sekitar (kemampuan) serta memenuhi kehendak-kehendak perundangan dan keperluan garis panduan atau manual Jabatan Teknikal. Sekian, terima kasih.